

BH FAMILI

PANDUAN SEMARAKAN KASIH SAYANG

• Muka 9



Bakti Rumah Solehah

» Bantu wanita, kanak-kanak HIV teruskan rawatan dan positif jalani kehidupan



Norfaizah Mohd Nor

Oleh **Fatin Hafizah Mohd Shahar**
fating@bh.com.my

Masyarakat hari ini semakin prihatin melakukan kerja amal tanpa mengira latar belakang golongan yang dibantu. Lazimnya sasaran perhatian kerja amal dan kebajikan tertumpu kepada anak yatim dan ibu tunggal, warga tua dan kelompok mereka yang kurang bernasib baik bagi mewujudkan hubungan sosial yang baik.

Selain itu, antara golongan yang tidak dilupakan ialah kanak-kanak mangsa HIV positif.

Tempat perlindungan
Perkembangan maklumat yang tersebar luas mula mengakhiri stigma masyarakat mengenai bahaya virus pembawa maut itu.

Sehubungan itu, dalam membentuk komuniti pemulihan, sekaligus membawa harapan baharu kepada insan yang menjadi pembawa HIV, Rumah Solehah (RS) giat meneruskan perjuangan sebagai pusat bimbingan kepada lebih 200 penghuni wanita dan kanak-kanak.

Beroperasi di bawah naungan Persatuan Perubatan Islam Malaysia (PPIM) sejak tahun 1998, rumah itu turut menjadi landasan untuk wanita mencari tempat perlindungan sebelum memulakan hidup baharu.

Perlu reda
Tiada insan mahu menjadi pembawa HIV, namun jika sudah tersurat dalam takdir perjalanan hidup, apa yang termampu hanyalah reda

dan berserah.

Akui sukarelawan RS, Norfaizah Mohd Nor, pengalaman selama tiga tahun hidup bersama penghuni rumah itu mengubah persepsi beliau terhadap kehidupan mangsa HIV.

"Saya memang minat dalam kerja amal, tetapi tidak pernah menjangka akan ada hubungan dengan pesakit HIV. Pada permulaannya, memang saya agak janggal dan takut.

"Sebagai manusia, kita memang tidak boleh lari daripada ketakutan dan khuatir, lebih-lebih lagi apabila memikirkan terpaksa menguruskan kehidupan mereka.

"Syukur, selepas mengumpul segala maklumat daripada rakan dan media cetak, saya memberanikan diri. Suami juga menguatkan lagi semangat saya untuk membantu," katanya

ketika ditemui sempena majlis berbuka puasa dan penyampaian sumbangan anjuran Alumni Sekolah Menengah Alam Shah 89-93 dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di Jalan Thaver, Kampung Pandan, baru-baru ini.

• Muka 7



Beri perlindungan terbaik

• Dari muka 6

Bukan sekadar memberi sokongan moral dan kerohanian, RS turut mengurus rawatan lanjutan perubatan, di samping menyediakan program kemahiran kerjaya untuk peningkatan diri.

Katanya, RS gigih membimbing kumpulan wanita HIV positif bergerak aktif bagi mendidik, memberi kesedaran dan pengajaran kepada masyarakat mengenai bahaya HIV serta AIDS.

"Kanak-kanak yang menjadi mangsa HIV akibat perbuatan ibu bapa mereka akan ditempatkan di sini dan dijaga dengan teliti serta penuh perhatian.

"Mereka akan dipantau dari segi perkembangan dan pendidikan sehingga berusia 18 tahun.

"Kanak-kanak ini dianggap seperti anak sendiri, bahkan kasih sayang dicurahkan sepenuhnya buat mereka. ketika Aidilfitri, kami bergilir-gilir membawa mereka yang tinggal di sini untuk pergi beraya," katanya.

Jalani program pemulihan
Aku doktor gigi di sebuah klinik swasta ini, antara penghuni adalah bekas penagih dadah, pelacur dan wanita terlanjur.

"Kebiasaannya, mereka dihantar oleh pihak hospital dan akan menjalani rawatan pemulihan selama enam bulan sebelum diserahkan kepada keluarga atau waris terdekat, selain berkahwin dengan lelaki yang turut positif HIV.

"Sepanjang tempoh itu,

Norfaizah berkata, RS yang turut mendapat kerjasama Kementerian Kesihatan cawangan STD/AIDS itu dikelolakan oleh exco terdiri daripada pakar perubatan daripada beberapa hospital.

Tegas dengan peraturan
Pada tahun 2000, RS mula mengambil kanak-kanak mangsa HIV yang memerlukan tempat perlindungan untuk memulakan hidup dan ditempatkan di Kampung Tasek Permai, Ampang.



Program pemulihan turut membabitkan komunikasi antara penghuni RS.

mereka akan didedahkan dengan pendekatan tiga program pemulihan iaitu kebersihan, pemulihan sosial dan pemulihan kerjaya.

"Penghuni akan didedahkan dengan program ke arah membina semangat, selain menjaga kualiti hidup mereka sama ada fizikal, emosi atau mental dan pemantapan kerohanian," katanya.

Norfaizah berkata, RS yang turut mendapat kerjasama Kementerian Kesihatan cawangan STD/AIDS itu dikelolakan oleh exco terdiri daripada pakar perubatan daripada beberapa hospital.

Tegas dengan peraturan
Pada tahun 2000, RS mula mengambil kanak-kanak mangsa HIV yang memerlukan tempat perlindungan untuk memulakan hidup dan ditempatkan di Kampung Tasek Permai, Ampang.

Kehidupan bersama
"Dari situ, kami perlu tegas memandangkan kebersihan diri dan persekitaran amat penting untuk pesakit HIV agar virus tidak melarat hingga membawa padah," katanya.

Selain itu, Norfaizah berka-

ta, masalah sosial juga sering berbangkit, terutama dalam kalangan bekas pelacur yang menghuni di rumah itu.

Katanya, kesukaran mewujudkan hubungan komunikasi dan interaksi antara penghuni rumah itu juga membuatkan sesi pemulihan selalunya mengambil masa lebih lama.

"Mereka sudah terbiasa dengan kehidupan bersaing untuk mendapatkan kuasa dan tempat berdagang tubuh. Jadi, apabila datang ke sini, mereka ingin menunjukkan kuasa masing-masing.

"Ada yang datang dari lorong dan sudah lama tidak mempedulikan kebersihan diri sendiri. Tingkah laku itu terbawa-bawa biarpun ditempatkan di RS.

Berdepan dengan pelbagai ragam penghuni, katanya, di samping masalah bersosial, kebanyakan mereka kurang tegas dalam soal penjagaan diri dan kebersihan.

Tidak menyangkal mungkin kerana penghuni rumah itu sudah terbiasa dengan kehidupan di tempat kotor, jadi untuk memupuk kebersihan diri dalam kalangan mereka juga mengambil masa.

"Ada yang datang dari lorong dan sudah lama tidak mempedulikan kebersihan diri sendiri. Tingkah laku itu terbawa-bawa biarpun ditempatkan di RS.

Kehidupan bersama
"Dari situ, kami perlu tegas memandangkan kebersihan diri dan persekitaran amat penting untuk pesakit HIV agar virus tidak melarat hingga membawa padah," katanya.

Selain itu, Norfaizah berka-

ta, masalah sosial juga sering berbangkit, terutama dalam kalangan bekas pelacur yang menghuni di rumah itu.

Katanya, kesukaran mewujudkan hubungan komunikasi dan interaksi antara penghuni rumah itu juga membuatkan sesi pemulihan selalunya mengambil masa lebih lama.

"Mereka sudah terbiasa dengan kehidupan bersaing untuk mendapatkan kuasa dan tempat berdagang tubuh. Jadi, apabila datang ke sini, mereka ingin menunjukkan kuasa masing-masing.

"Ada yang datang dari lorong dan sudah lama tidak mempedulikan kebersihan diri sendiri. Tingkah laku itu terbawa-bawa biarpun ditempatkan di RS.

INFO

Rumah Solehah

- Ditubuhkan pada tahun 1998.
- Rumah pengantaraan di Kuala Lumpur menempatkan wanita disahkan HIV positif kerana pelbagai sebab.
- Satu lagi rumah itu turut menempatkan kanak-kanak yang menjadi mangsa HIV dan anak yatim.
- Mengutamakan wanita HIV positif dan tidak mempunyai tempat tinggal serta tersisih daripada keluarga.
- Lebih 200 penghuni mangsa HIV positif mendapat perlindungan di pusat ini.
- Membantu dalam penjagaan kesihatan mental dan fizikal, program yang dijalankan mengikut modul latihan Kementerian Kesihatan membabitkan penjagaan dari segi emosi serta kerohanian
- Kebanyakan penghuni dihantar oleh pihak tertentu seperti hospital, pusat serenti dan penjara selepas mendapati mereka tidak mempunyai tempat tinggal setelah menjalani rawatan atau hukuman.



Ubah persepsi masyarakat

Norfaizah berkata, ramai juga yang tidak patah semangat dengan ujian itu, sebaliknya bangkit meneruskan hidup seperti individu normal lain.

Katanya, ada juga sesetengah penghidap HIV di rumah berkenaan dijangkiti kerana perbuatan mereka pada masa silam dan ada juga yang menjadi mangsa keadaan.

"Di sini, kami bukan saja menawarkan sokongan moral, tetapi menitikberatkan aspek kerohanian yang mampu membantu mereka kembali kepada kehidupan sebenar.

"Mereka juga diajar cara menguruskan diri menerusi latihan

dan kemahiran seperti memasak dan menjahit agar dapat berdikari apabila keluar daripada RS.

"Memang bukan mudah mengubah mereka sepenuhnya, tetapi alhamdulillah, rata-rata menunjukkan perubahan positif, bahkan ada segelintir bekas penghuni kini tampil sebagai sukarelawan membantu wanita senasib," katanya.

Kikis pandangan serong
Memerlukan kos penyelenggaraan tinggi, katanya, mujur sebahagian besar keperluan diperoleh menerusi bantuan kerajaan dan sumbangan pihak swasta.

Katanya, bantuan disalurkan

banyak pihak mempermudahkan perancangan RS yang sentiasa ingin menawarkan perkhidmatan dan perlindungan kondusif buat penghuninya.

"Bantuan daripada pihak swasta yang sedia membantu sejak 17 tahun lalu dapat mengikis pandangan serong masyarakat berhubung pesakit, apatah lagi sekiranya ia kerap mendapat liputan media.

"Bantuan mereka juga membolehkan kami kekal beroperasi, sekaligus membuka ruang lebih luas dalam usaha membantu golongan disasarkan ini," katanya.

